

20/07/2002

Bahasa Inggeris tetap dilaksana tahun depan

Mohd Anwar Patho Rohman

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pelaksanaan penggunaan bahasa Inggeris bagi pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik akan tetap dilaksanakan di sekolah kebangsaan tahun depan.

Perdana Menteri berkata, bagaimanapun kerajaan masih mengkaji beberapa aspek pelaksanaan itu bagi mengatasi masalah yang dikenal pasti, terutama bagi melaksanakan cadangan itu di semua sekolah.

"Kita belum habis, masih ada lagi perkara yang hendak dibincangkan dulu. Kabinet dapat penerangan cara-cara nak laksanakan.

"Dia (Tan Sri Musa Mohamad) terangkan ada masalah sikit...kalau nak buat serentak nampak berat. Kini kita kena kaji lagi.

"Tahun depan mereka (Kementerian Pendidikan) kena laksanakan di sekolah kebangsaan. Peperiksaan pun ada masa guna dwibahasa dan bahasa Melayu. Kita kena kaji laporan daripada semua masyarakat.

"Pelaksanaan bahasa Inggeris di sekolah Cina dan India akan dilaksanakan secara berperingkat," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyaksikan teater Anugerah di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di sini malam ini.

Turut hadir, isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Mohamad Shaïd Mohd Taufek.

Difahamkan Menteri Pendidikan akan mengumumkan keputusan Kabinet pada satu majlis di Labu, Negeri Sembilan esok.

Perdana Menteri ditanya hasil mesyuarat khas Kabinet bagi membincangkan cadangan penggunaan bahasa Inggeris bagi mata pelajaran Sains dan Matematik mulai tahun depan di Putrajaya petang ini.

Mesyuarat khas Kabinet yang diadakan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) itu dipengerusikan Dr Mahathir turut disertai Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Antara anggota Kabinet yang hadir ialah Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad; Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob; Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Razak; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik; Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu dan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein.

Mesyuarat yang bermula kira-kira jam 4 petang dan berakhir dua jam kemudian itu diadakan bagi memutuskan kaedah pengajaran dan pelaksanaan penggunaan bahasa Inggeris bagi pengajaran kedua-dua mata pelajaran itu.